


e-Bulletin ACIS

Edisi
1/2020

<https://acis.uitm.edu.my/>
<https://www.facebook.com/acis.uitm>
e-ISSN 2735-0991



Perutusan Dekan.



**Professor Madya
Dr. Nurhidayah Muhamad Hashim**
Dekan ACIS

Selamat Datang ke Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS).

Pada tahun 2020 ini, seluruh dunia menghadapi cabaran hebat apabila pandemik COVID-19 menyerang. Perubahan yang tidak pernah terjangka perlu digerakkan untuk mendepani pandemik ini, termasuklah sektor pendidikan. UiTM secara umum dan ACIS secara khusus tidak dapat lari daripada turut serta dalam menghadapi perkara ini. Open & Distance Learning (ODL) dalam PdP menjadi norma baharu untuk pensyarah ACIS dan juga pelajar. Ada di kalangan pensyarah ACIS yang tidak pernah menggunakan Zoom, Cisco Webex kini semakin mahir mengguna kaedah maya ini. Beberapa sesi memperkasakan pensyarah dalam mengguna pakai segala kaedah maya dijalankan di peringkat dalaman.

Justeru, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pensyarah ACIS yang begitu komited dan bersungguh-sungguh untuk memastikan PdP dapat berlangsung dengan baik sehingga akhir semester ini. Begitu juga saya mengucapkan terima kasih kepada semua pelajar program ACIS serta semua pelajar di semua fakulti yang mengambil mata pelajaran universiti (MPU) yang ditawarkan ACIS di atas kerjasama diberikan. Penghargaan juga saya panjangkan kepada semua staf pentadbiran ACIS yang telah bekerja keras memastikan semua urusan pentadbiran berjalan lancar walaupun bekerja dari rumah pada beberapa bulan terawal PKP dilaksanakan.

Semua maklum bahawa pihak pengurusan UiTM telah melancarkan Pelan Strategik UiTM2025 ke arah transformasi universiti menjadi universiti terkemuka dunia dengan moto 'Menyerlahkan Potensi Membentuk Masa Hadapan' dan tiga nilai bersama iaitu ESI- Kecemerlangan (Excellence), Sinergi (Synergy) dan Integriti (Integrity) serta nilai sendiri seluruh warga iaitu iDART - Ilmu, Disiplin, Amanah, Rajin dan Tanggung jawab. Semua ini seharusnya menjadi motivasi kepada seluruh warga ACIS untuk bergerak ke hadapan untuk menyerlahkan potensi kita bersama. ACIS komited menyokong Pelan Strategik UiTM 2025 dan akan berusaha melaksanakan inisiatif tertentu yang akan melonjakkan ACIS ke tangga yang lebih cemerlang.

E-Buletin yang ditatap bersama ini merupakan edisi pertama yang disiarkan oleh ACIS. Saya berharap agar e-buletin ini dapat menjadi medium perhubungan, sumber maklumat terutama melibatkan penglibatan warga ACIS sepanjang tahun. Penerbitan e-buletin ini tidak akan berlaku tanpa kesungguhan seluruh Sidang Redaksi yang berusaha tanpa jemu dalam mencari bahan, merangka rencana dan mendapatkan maklum balas tentang draf yang dibuat. Saya mengucapkan terima kasih di atas kesungguhan semua, termasuk Cik Nor Suraya Sanusi, pelajar USIM yang menjalani Latihan Industri di ACIS yang banyak membantu usaha menerbitkan e-buletin ini. Terima kasih kepada semua.



اَوَّلُ مَا رَزَقْنَاهُ رَحْمَةً مِنَّا
UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Akademi
Pengajian Islam
Kontemporari

Hak cipta terpelihara. Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukarkan ke dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang alat juga pun, sama ada dengan cara elektronik, gambar, serta rakaman dan sebagainya tanpa kebenaran bertulis daripada Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), Universiti Teknologi MARA terlebih dahulu.

Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS),
Universiti Teknologi MARA,
40450 Shah Alam,
Selangor Darul Ehsan,
MALAYSIA
Emel: korporatacis@uitm.edu.my

Terbitan
Jawatankuasa Perhubungan
Korporat & Media ACIS



UiTM *di hatiku*